

Dipukul dedah operasi haram kilang kitar semula

Lelaki dipelawa temui pihak atasan dikunci, dibelasah dengan rod besi, paip

Oleh Nor Farhani Che Ad
bhnews@bh.com.my

Sungai Petani: Akibat mendedahkan kegiatan operasi haram sebuah kilang kitar semula, seorang lelaki cedera dipukul tiga lelaki dipercayai dari kilang terbabit di Kawasan Perusahaan Sungai Petani, di sini, kelmarin.

Dalam kejadian pada jam 4.15 petang, mangsa berusia 51 tahun yang juga pengusaha kilang plastik di daerah ini dikatakan dipukul di dalam pejabat kilang kitar semula itu yang terletak

berhadapan kilangnya.

Menurut sumber, mangsa dikatakan dipelawa ke kilang kitar semula itu untuk berkenalan dengan pihak atasan kilang oleh seorang lelaki, namun mangsa menolak pelawaan berkenaan.

Beliau berkata, mangsa kemudiannya sekali lagi diajak ke kilang sama oleh dua lelaki lain dan mangsa menuruti tanpa rasa curiga.

"Mangsa dibawa ke pejabat kilang kitar semula berkenaan sebelum dikunci dari dalam dan dikatakan dipukul menggunakan rod besi dan juga batang paip.

"Mangsa dikatakan dilepaskan selepas berjanji tidak akan mengganggu lagi operasi kilang kitar semula itu," katanya.

Difahamkan, akibat insiden itu, mangsa cedera di kepala serta beberapa anggota badan dan menerima rawatan di Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH).

Susulan itu, dua lelaki ma-

Mangsa dibawa ke pejabat kilang kitar semula berkenaan sebelum dikunci dari dalam dan dikatakan dipukul menggunakan rod besi dan juga batang paip. Mangsa dikatakan dilepaskan selepas berjanji tidak akan mengganggu lagi operasi kilang kitar semula itu.

Sumber

masing-masing berusia 43 dan 49 tahun direman tiga hari bermula semalam bagi membantu siasatan berhubung kes terbabit.

Perintah reman dikeluarkan Penolong Pendaftar Mahkamah Sungai Petani Mohammad Alif Abdul Aziz, pagi semalam.

Ketua Polis Daerah Kuala Muda, Asisten Komisioner Adzli Abu Shah, ketika dihubungi memaklumkan siasatan lanjut masih diteruskan dan kes disiasat mengikut Seksyen 324 Kanun Keseksamaan.

Sementara itu, difahamkan kilang kitar semula berkenaan sudah disita dalam operasi bersepadu yang dijalankan Majlis Perbandaran Sungai Petani Kedah (MPSPK) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 2 Mei lalu.

Bagaimanapun, kilang berkenaan didakwa masih beroperasi dan kegiatan itu pernah didedahkan oleh mangsa beberapa kali di media sosial yang dipercayai menjadi punca mangsa dipukul.